

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	11 May 2015

Najib bawa banyak pembangunan, perubahan di Sabah – Abdul Rahman

KOTA BELUD 10 Mei - Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Abdul Rahman Dahlan menyifatkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai Perdana Menteri yang banyak membawa pembangunan dan pembaharuan di Sabah.

Katanya, Najib begitu peka dan prihatin terhadap keperluan dan kehendak rakyat di negeri ini setiap kali pemimpin nombor satu negara itu mengadakan lawatan ke negeri ini.

“Mengapa kita (rakyat di Sabah) dapat banyak projek? Kerana Perdana Menteri suka mendengar suara dan suka merasakan denyut nadi rakyat khususnya di Sabah.

“Beliau datang ke Sabah, pergi ke kawasan luar bandar untuk merasai apa kehendak dan keperluan penduduk di kawasan berkenaan. Bukan sekadar datang melihat tetapi datang untuk membawa pembaharuan dan pembangunan,” katanya dalam ucapan pada majlis pelancaran Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kota Belud oleh Najib di sini hari ini.

Abdul Rahman, yang juga Setiausaha Barisan Nasional (BN) Sabah berkata, pembangunan mapan yang berlaku semasa pentadbiran Najib bukan sahaja menerusi program

PPR yang sememangnya dekat di hati beliau, malah merangkumi pelbagai aspek termasuk dalam meningkatkan sumber ekonomi negeri dan pendapatan rakyat.

Misalnya, projek Ammonia Urea Sabah (Samur) di Sipitang, Terminal Minyak dan Gas Sabah (SOGT) di Kimanis, Perjanjian Gas Asli Cecair (LNG) Bintulu dan projek pembinaan Lebuhraya Pan Borneo, katanya.

Selain itu, Abdul Rahman, yang juga Ahli Parlimen Kota Belud, berkata Najib berani membuat keputusan terhadap permasalahan yang sekian lama dihadapi rakyat di negeri ini, meskipun isu-isu tersebut telah lama dibangkit kepada pemimpin-pemimpin terdahulu.

“Apabila pemimpin lain tidak lagi menjadi pemimpin, kita (rakyat Sabah) dibebani dengan masalah pendatang asing tanpa izin.

“Perdana menteri pula terpaksa berhadapan dengan isu ini dan maka itulah Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) mengenai PATI di Sabah diwujudkan,” katanya.

Abdul Rahman juga memuji inisiatif Najib dalam mencapai perdamaian di selatan Filipina “supaya kita (rakyat di Sabah) tidak dibebani penghijrahan warga asing dari Fi-

lipina.”

Selain itu, beliau turut memuji tindakan pantas perdana menteri dalam mewujudkan Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCom) bagi mempertahankan kedaulatan dan maruah rakyat di Sabah.

Sementara itu, Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Musa Aman berkata keprihatinan juga komitmen kerajaan pusat menerusi pimpinan Najib terserlah apabila beliau memberi komitmen dengan sentiasa mengutamakan keperluan dan kehendak rakyat di negeri ini.

Musa yang juga Menteri Kewangan negeri berkata ini termasuk dalam konteks penyediaan lebih banyak peruntukan untuk Sabah bagi memastikan negeri ini dapat menyediakan pelbagai kemudahan infrastruktur untuk kegunaan dan kesejahteraan rakyat.

“Perdana Menteri banyak berbudi kepada Sabah. Budi baik, keprihatinan dan komitmen perdana menteri untuk membawa lebih banyak pembangunan di Sabah akan dibalas dengan memberi sokongan penuh kepada pucuk pimpinan beliau. Sabah akan menyokong Barisan Nasional,” katanya. - BERNAMA